

Bila *Tayammum* dilakukan

Tayammum dilakukan bagi menggantikan *Wudhu* atau *Ghusl* bila:

1. Tidak ada air untuk mengerjakan *Wudhu* atau *Ghusl*.
2. Mengambil air untuk *Wudhu* akan membahayakan nyawa atau harta atau tidak dapat mendapatkan air apabila sudah berusaha.
3. Menggunakan air akan menyebabkan tiada lagi air untuk minum dan akan menyebabkan mati kehausan atau sakit, untuk diri atau keluarga.
4. Membasuh muka dan tangan dengan air akan memudaratkan kesihatan.
5. Air ada, tetapi anda tidak berhak untuk menggunakannya.
6. Anda akan kesuntukan masa untuk solat jika melakukan *Wudhu* atau *Ghusl*.
7. Jika tubuh atau pakaian kotor (*najis*) manakala air jika digunakan hanya cukup untuk membasuh *najis* tersebut tanpa tinggal air untuk *Wudhu* or *Ghusl*.

Cara mengerjakan *Tayammum*

Niat : Baca niat, "sahaja aku mengerjakan *Tayammum* menggantikan *Wudhu* (atau *Ghusl*), dengan nama Allah dan mengharap rahmat dariNya."

Langkah 1 : Letakkan kedua tapak tangan serentak ke atas tanah, pasir, atau batu (mengikut pilihan) yang kering dan bersih. (**Gambar rajah 1**).

Langkah 2 : Sapu kedua-dua tapak tangan dari hujung kepala hingga ke atas hidung. Dari kedua belah kiri dan kanan telinga dan bulu kening mesti disapu juga. (**Gambar rajah 2 dan 3**)

Langkah 3 : Kemudian sapu seluruh bahagian atas tangan kiri dengan tapak tangan kanan dari pergelangan tangan hingga hujung jari. (**Gambar rajah 4**)

Langkah 4 : Lakukan yang sama untuk tangan kiri.

Langkah 5 : Letakkan kedua-dua tapak tangan ke atas permukaan tadi seperti Langkah 1.

Langkah 6 : Ulang langkah 3.

Langkah 7 : ulang langkah 4.



Gambar 1



Gambar 2



Gambar 3



Gambar 4

Untuk mengetahui lebih lanjut cara-car peribadah seperti *Wudhu*, *Tayammum*, dan *Ghusl*, lawati:

<http://al-islam.org/ritualandspiritual/>

v1.0

“Hai orang-orang yang beriman, apabila kamu hendak mendirikan sembahyang, maka basuhlah mukamu dan kedua belah tanganmu hingga dua siku dan sapulah kepalamu dan (basuhlah) kakimu hingga dua mata kaki...kemudian, jika kamu tiada memperolehi air, maka bertayammumlah dengan tanah yang suci, maka sapulah mukamu dan kedua belah tanganmu dengan tanah itu...”

(Surah Al-Maa-idah, ayat 6)

Cara Mengerjakan *Wudhu* and *Tayammum*

Sebelum menjalankan tanggungjawab solat, dan sebagaimana yang disarankan atau wajib bagi sesetengah amalan, seorang Muslim mesti membersihkan diri mereka – ini selalunya dilakukan dengan menggunakan air. Bahagian kecil dari amalan pembersihan ini dinamakan *Wudhu*, sementara bahagian besarnya dipanggil *Ghusl*. Jika ketiadaan air, maka pembersihan boleh dilakukan dengan menggunakan tanah yang suci, dan ini dinamakan *Tayammum*.

Bila *Wudhu* dikerjakan

Setiap Muslim mesti berada di dalam keadaan yang bersih dan suci ketika mengerjakan amalan solat. Keadaan ni juga harus dicapai sebelum beberapa sunat yang amalan, seperti solat sunat, menyentuh Al-Qur`an dan haji. Selalunya, ianya memadai dengan mengerjakan *Wudhu* untuk mencapai pembersihan ini. Walaubagaimanapun, adakalanya *Ghusl* mesti dilakukan. Untuk pengetahuan perkara *Ghusl* tidak diterangkan di dalam risalah ini.

Cara *Wudhu* dikerjakan

Niat : Niat: "Sahaja aku mengerjakan *Wudhu* kerana Allah, dan mengharap rahmat dariNya".


Membersih muka: Mula-mula, tanggalkan apa juga (jam, cincin, dan sebagainya ... atau perkara lain seperti cat atau apa juga yang melekat di kulit) yang akan menghalang air dan tangan sebelum mengerjakan *Wudhu*. Ambil air menggunakan tangan kanan dan tuangkan ke atas muka dari atas muka (betul-betul di atas dahi). Kemudian dengan



gunakan tangan kanan sapukan muka dari atas kening hingga ke bawah dagu agar air kena pada seluruh muka yang boleh dicapai dari pangkal ibu jari hingga hujung jari tengah. Bagi memastikan semua bahagian muka dibersihkan, sapu juga bahagian dalam hidung, bibir, dan mata semasa melakukan ini. Anda, walaubagaimanapun tidak perlu membersihkan sehingga ke dalam rongga.

Membasuh sekali adalah wajib. Kali kedua adalah sunat. Kali seterusnya adalah haram.

Membasuh tangan: Gunakan tangan kiri dan tunangkan air dari siku hingga ke hujung jari tangan kanan, kemudian, gunakan tangan yang sama dengan menyapu bahagian yang sama bagi memastikan semua bahagian dibersihkan. Kemudian lakukan yang sama pada tangan kiri. Ini mesti dilakukan dengan membersihkan dari siku ke jari dan bukan sebaliknya. Dan bagi memastikan siku juga kena air, tuangkan air dari atas siku. Cuci tangan agar air menembusi bulu tangan (jika ada) dan mengenai kulit. Sekali lagi, membasuh sekali adalah wajib. Kali kedua adalah sunat. Kali seterusnya adalah haram.



Perkara harus di ingat ketika membasuh muka dan tangan:

- Basuh dari atas ke bawah. Membasuh ke arah sebaliknya akan membatalkan wudhu anda.
- Secara umum, basuh lebih sedikit dari kawasan yang diperlukan agar semua bahagian yang perlu kena dengan air.

Membasuh muka : Seterusnya, basuh bahagian suku depan kepala dengan menggunakan air yang masih ada di tangan anda. Sapu dari atas ke bawah. Adalah sunat menyapu dengan menggunakan satu jari sahaja, tetapi di sunatkan menggunakan



sekurang-kurangnya tiga jari (jari telunjuk, tengah, dan jari manis). Air harus kena ke kulit kepala, tetapi jika rambut anda pendek sehingga ianya tidak dapat disikat, memadai dengan menyapu rambut. Ketika menyapu kepala pastikan tangan tidak menyentuh dahi. Jika tersentuh, ini akan mengakibatkan air dari

dahi akan bercampur dengan air di kepala, dan ini akan menyebabkan batal apabila anda membersihkan kaki kanan nanti, kerana pembersihan mesti dilakukan dengan air yang ada di tangan sahaja.

Membasuh kaki : Akhir sekali, basuh kaki dengan menggunakan air yang masih ada di tangan. Basuh dari pangkal ibu jari kaki hingga ke buku lali. Basuh kaki kanan menggunakan tangan kanan, dan kaki kiri dengan tangan kiri. Adalah lebih afdal membasuh Seelok-eloknya basuh dengan sekurang-kurangnya tiga jari tangan (jari telunjuk, jari tengah, dan jari manis), dan sebaiknya membasuh seluruh kaki dengan menggunakan seluruh tangan. Semasa membasuh kaki, basuh dari jari kaki hingga buku lali (seperti yang di gambarkan). Jangan hanya letak tangan, sapu dari jari hingga ke bukulali. Harus diingatkan membasuh kaki yang memakai stoking atau kasut tidak dibenarkan melainkan atas sebab-sebab yang tidak dapat dielakkan.



Tentang membasuh kepala dan kaki:

- Ketika membasuh kepala dan kaki, sapukan tangan anda ke atas anggota-anggota ini. Jika tangan tetap dan anggota-anggota ini yang digerakkan, maka ianya akan membatalkan *wudhu* anda. Walaubagaimanapun, tidak salah jika kepala atau kaki anda bergerak sedikit ketika membasuh mereka.
- Bahagian yang hendak di cuci hendaklah kering sebelum dibasuh, jika ianya sudah basah, maka tiada efek penyapuan dengan tangan, dan *wudhu* akan batal. Walaubagaimanapun, lembab yang sedikit adalah dibenarkan selagi air di tangan dicampurkan dengan kelembapan apabila disapu.
- Pembersihan mesti dilakukan dengan apa juga air yang masih tinggal di tangan. Jangan ambil air yang baru, atau campurkan basah di tangan dengan apa juga air di anggota lain. Jika tangan anda sudah kering, boleh dibasahkan balik dengan air yang lekat di janggut, misai, kening atau apa juga anggota *wudhu* yang lain.